

SOALAN NO. 47

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR
[LEMBAH PANTAI]**

TARIKH : 31 MAC 2014

SOALAN :

Puan Nurul Izzah Binti Anwar [LEMBAH PANTAI] minta PERDANA MENTERI menyatakan:-

- (a) usaha Kerajaan dalam membuat proses persempadanan semula tidak berat sebelah dengan mempertimbangkan kesemua 18 cadangan untuk pembaharuan pilihan raya oleh Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen (PSC); dan
- (b) jangka masa dan perancangan untuk mewujudkan sebuah suruhanjaya persempadanan semula yang berdikari dan bebas.

JAWAPAN:YB DATO' SERI DR SHAHIDAN BIN KASSIM

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, urusan mempersempadankan bahagian-bahagian pilihan raya Parlimen dan Negeri adalah berlandaskan kepada prinsip-prinsip persempadanan dan tatacara persempadanan yang ditetapkan di bawah Bahagian I dan II Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan serta di bawah bidang kuasa Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) yang diperuntukkan di bawah Perkara 113, Perlembagaan Persekutuan. Berdasarkan peruntukan yang ditetapkan oleh Perlembagaan, prinsip-prinsip persempadanan adalah seperti berikut:
- i. Kemudahan diadakan bagi pemilih-pemilih mengundi semasa pilihan raya dan bahagian pilihan raya tidak melanggar sempadan negeri;
 - ii. Mengambil kira kemudahan pentadbiran yang boleh didapati dalam bahagian pilihanraya itu untuk mengadakan jentera yang perlu bagi pendaftaran dan pengundian;
 - iii. Jumlah pemilih yang seimbang bagi setiap bahagian pilihan raya dalam sesuatu Negeri kecuali apabila terdapat kesukaran perhubungan dan pengangkutan yang dihadapi di luar bandar, luas bahagian pilihan raya patut diberi pertimbangan;
 - iv. Mengekalkan perhubungan masyarakat tempatan.

Sehingga kini, Kerajaan berpandangan prinsip-prinsip persempadanan bahagian pilihan raya yang terkandung dalam Jadual Ketiga Belas Perlembagaan Persekutuan masih lagi relevan untuk dilaksanakan dalam urusan kajian semula persempadanan bahagian-bahagian pilihan raya Parlimen dan negeri. Oleh yang demikian, Kerajaan tidak berhasrat untuk menyemak semula prinsip-prinsip persempadanan tersebut. Kerajaan percaya apa yang dilakukan oleh SPR dalam urusan persempadanan adalah adil kepada semua pihak dan selaras dengan prinsip-prinsip persempadanan yang ditetapkan oleh Perlembagaan Persekutuan.

- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) adalah sebuah badan yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan dan keahliannya dilantik oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Bidang kuasa dan tanggungjawab SPR seperti yang diperuntukkan di bawah Perkara 113 Perlembagaan Persekutuan adalah merangkumi perkara-perkara yang berkaitan dengan Penjalanan Pilihan Raya, Pendaftaran Pemilih dan Persempadanan Semula Bahagian-Bahagian Pilihan Raya.

Dalam melaksanakan urusan persempadanan semula bahagian-bahagian Pilihan Raya, SPR tertakluk kepada Jadual ke 13 Perlembagaan Persekutuan yang mana sebarang cadangan persempadanan semula atau pertambahan kawasan pilihan raya perlu mendapat persetujuan Parlimen selepas ianya dibahas. Kerajaan berpandangan bahawa SPR adalah mampu dan berupaya untuk melaksanakan tanggungjawab mereka sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Fasal 1 dan 2,

Perkara 113, Perlembagaan Persekutuan dengan baik dan sempurna.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : DR. KO CHUNG SEN [KAMPAR]

TARIKH : 31 MAC 2014 (ISNIN)

SOALAN : 48

Dr. Ko Chung Sen [Kampar] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan:

- a) bilangan kereta mewah *supercars* yang telah dijual di Pulau Langkawi dan Labuan dalam tempoh lima tahun yang lalu; dan
- b) bilangan daripada jumlah di atas yang dibeli oleh bukan pemastautin dan bilangan yang telah dibawa ke tanah besar melampaui masa yang dibenarkan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Berdasarkan rekod Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), bilangan kereta yang telah didaftarkan di Pulau Langkawi dan Labuan untuk tempoh lima tahun (2009 hingga 2013) berdasarkan buatan kenderaan untuk model Ferrari, Lamborghini, Porsche, Bently dan Jaguar adalah seperti berikut:

Lokasi	Buatan	Tahun				
		2009	2010	2011	2012	2013
Langkawi	Ferrari	4	8	19	43	35
	Lamborghini	0	1	14	41	25
	Porsche	6	10	31	143	57
	Bently	0	3	6	23	22
	Jaguar	1	7	9	13	17
Labuan	Ferrari	0	0	2	1	0
	Lamborghini	0	1	0	2	1
	Porsche	3	0	1	2	2
	Bently	1	0	1	0	2
	Jaguar	1	0	0	0	2

Walau bagaimanapun, statistik di atas tidak mengklasifikasikan kategori kenderaan jenis kereta mewah atau *supercars* memandangkan pendaftaran kenderaan yang dibuat oleh pihak JPJ adalah berdasarkan kepada jenis kegunaan seperti kenderaan persendirian individu, persendirian syarikat serta kenderaan perdagangan.

Tuan Yang di-Pertua,

- b) Untuk makluman, Kementerian ini tidak mempunyai rekod mengenai jumlah sebenar bukan pemastautin yang memiliki kereta mewah *supercars* dan bilangan yang telah dibawa ke tanah besar melampaui tempoh masa yang dibenarkan.